

KENYATAAN MEDIA

PENGGUNA MYDEBIT CAPAI 5 JUTA TRANSAKSI UNTUK KEMPEN SENTUHAN IKHLAS



Penerima manfaat B40 yang terpilih daripada dana Sentuhan Ikhlas membeli barangan keperluan di pasar raya di Batu Caves, Selangor.

Batu Caves, 25 Mac 2025 – Amanat Lebuhraya Rakyat (ALR), dengan kerjasama Payments Network Malaysia (PayNet) dan Yayasan MyKasih (MyKasih), berbesar hati meraikan pencapaian amat bermakna apabila Kempen Sentuhan Ikhlas telah mencapai 5 juta transaksi MyDebit. Dengan pencapaian ini, sumbangan terakhir sebanyak **RM250,000** telah diagihkan kepada **500 lagi keluarga berpendapatan rendah** di seluruh Malaysia. Menjelang musim perayaan ini, bantuan ini membolehkan keluarga tersebut membeli barangan keperluan asas dan keperluan isi rumah sekali gus meringankan beban mereka dan memeriahkan persiapan menyambut kedatangan Syawal.

Kempen **Sentuhan Ikhlas** yang telah dilancarkan pada 26 September 2024, merupakan transformasi pembayaran tol menggunakan kad MyDebit di mana setiap transaksi MyDebit di lebuh raya ALR menyumbang kepada keluarga B40. Kempen ini membuktikan bahawa **tindakan kecil** juga boleh memberi **impak besar** dalam kehidupan masyarakat.

Sokongan luar biasa daripada rakyat Malaysia telah merealisasikan kempen ini dengan pantas, di mana dua pencapaian awal iaitu 1 juta dan 2.5 juta transaksi berjaya direkodkan pada bulan Oktober dan Disember 2024. Pencapaian ini telah berjaya mengumpul sumbangan sebanyak RM250,000 yang telah disalurkan kepada 500 keluarga di Lembah Pantai, Gombak, Sungai Petani dan Jitra, Kedah.

Kini, dengan pencapaian akhir 5 juta transaksi, 500 lagi keluarga di Gombak, Ayer Keroh, Melaka dan Muar, Johor akan menerima bantuan sebanyak RM500 setiap keluarga.

Terima kasih kepada pengguna MyDebit di lebuh raya LDP, KESAS, SPRINT dan SMART, sebanyak **1,000 keluarga B40 telah menerima bantuan kewangan**, bagi membolehkan mereka membeli keperluan asas menggunakan MyKad di kedai-kedai terpilih.





Penerima manfaat B40 yang terpilih daripada dana Sentuhan Ikhlas membeli barangan keperluan di pasar raya di Batu Caves, Lembah Pantai, Sungai Petani, dan Jitra, Kedah.

Menurut En. Muhammad Nizam Alias, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan ALR, “*Sentuhan Ikhlas adalah cerminan langsung terhadap matlamat bersama ALR, PayNet dan MyKasih dalam mencipta impak sosial yang mampan. Dengan menggabungkan keterangkuman kewangan dan pembayaran digital, Sentuhan Ikhlas membuktikan bahawa kuasa kebaikan kolektif melalui tindakan harian seperti memilih MyDebit untuk pembayaran tol mampu memberikan perubahan bermakna kepada kehidupan ramai orang.*”

Azrul Fakhzan B. Mainor, Pengarah Kanan, Bahagian Komersial, PayNet turut menambah, *"Kempen ini membuktikan bahawa pembayaran digital bukan sekadar memudahkan urusan, malah boleh menjadi pemacu kesejahteraan bersama. Dengan memilih MyDebit, rakyat Malaysia secara langsung telah menyumbang kepada peningkatan taraf hidup komuniti. Kami akan terus komited dalam menyediakan penyelesaian kewangan yang lebih inklusif untuk semua."*

ALR dan PayNet merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pengguna lebuh raya yang telah menyumbang kepada kejayaan inisiatif ini. Sokongan anda bukan sahaja memudahkan pembayaran tol tetapi juga meringankan beban kepada keluarga yang memerlukan. Terima kasih kerana membuat perubahan melalui **Sentuhan Ikhlas**, dan kami berharap para pengguna akan terus menyokong serta menikmati kemudahan pembayaran MyDebit di lebuh raya ALR.

- Tamat -

Dikeluarkan oleh:

Komunikasi Strategik & Korporat Kumpulan ALR

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Shereen Kaur, Tel: 012-3687876 / shereenkaur@amanatlr.com

Amry Alkhabir, Tel: 019-380 7414 / amry@litrak.com.my

Tentang Amanat Lebuhraya Rakyat

Amanat Lebuhraya Rakyat Berhad ("ALR") adalah sebuah syarikat swasta tidak berlandaskan keuntungan, yang ditubuhkan dengan tujuan khas untuk mempercepatkan pemendekan konsesi tol dan mengembalikan empat lebuh raya kepada Kerajaan Malaysia. 4 syarikat konsesi tol lebuhraya yang dimiliki penuh oleh ALR adalah KESAS Sdn. Bhd. ("KESAS"), Lingkaran Trans Kota Sdn. Bhd. ("LITRAK"), Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Sdn. Bhd. ("SPRINT"), dan Syarikat Mengurus Air Banjir & Terowong Sdn. Bhd. ("SMART").

ALR bertekad untuk menyediakan pengalaman permotoran yang selamat dan menyenangkan, menjana lebih tunai untuk mempercepatkan pembayaran balik pembiayaan hutang serta memastikan pencapaian tahap piawaian dan petunjuk prestasi utama seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia ("LLM").

Untuk maklumat lanjut tentang ALR, sila lawati laman web kami di www.amanatlr.com

Tentang PayNet

Payment Network Malaysia (PayNet) ialah rangkaian pembayaran nasional dan infrastruktur pusat yang dikongsi untuk pasaran kewangan Malaysia dengan visi untuk memperkasakan ekonomi digital Malaysia. Suite pembayaran runcit kami yang meluas, DuitNow (QR dan P2P), JomPAY (Pembayaran Bil), FPX (Dalam Talian), MyDebit (Debit Domestik), MEPS dan IBG (GIRO Antara Bank) mempunyai liputan hampir di semua kawasan, di seluruh negara dan menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian di Malaysia. Selain itu, rangkaian pembayaran QR runcit masa nyata PayNet, DuitNow, juga boleh dikendalikan dengan skim domestik di Singapura, Thailand dan Indonesia untuk membolehkan transaksi rentas sempadan yang lancar dengan negara tersebut. PayNet komited untuk mempromosikan ekosistem pembayaran yang selamat, cekap dan inovatif di Malaysia, dan bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingannya untuk membangunkan produk dan perkhidmatan baharu yang memenuhi keperluan pengguna dan perniagaan yang semakin berkembang. Untuk butiran lanjut, sila layari laman web kami: www.paynet.com.my

Mengenai Yayasan MyKasih

Yayasan MyKasih ialah pertubuhan amal yang bertujuan membantu rakyat Malaysia yang kurang berkemampuan melalui bantuan makanan dan pendidikan. Keunikan program MyKasih adalah dalam teknologi yang memacu pengagihan kebajikannya. Program bantuan makanan MyKasih 'Love My Neighborhood' dan skim dermasiswa pelajar MyKasih 'Love My School' dijalankan menerusi sistem pengedaran tanpa tunai yang cekap, dibangunkan oleh DIV Services Sdn Bhd, anak syarikat Dialog Group Berhad yang menggunakan teknologi cip kad pengenalan Malaysia, kad pintar MyKad dan MyKasih untuk mengagihkan kebajikan kepada penerima sasaran. MyKasih bergantung sepenuhnya kepada sumbangan orang ramai dan badan korporat dengan pemberian pengecualian cukai untuk membiayai program di atas untuk golongan yang kurang berkemampuan. Untuk maklumat lanjut, layari www.mykasih.com atau e-mel info@mykasih.com.